

16/10/2014



# KERATAN AKHBAR



ModeMega ☺

# Peruntukan yang melindungi wanita

Wanita perlu mengetahui hak mereka dalam undang-undang supaya tidak dianiaya atau dizalimi

**D**ALAM undang-undang Malaysia, hak wanita memang diberikan kedudukan istimewa sama ada secara langsung atau tidak langsung. Maksudnya wanita diberi kedudukan dan keistimewaan di dalam undang-undang.

Keistimewaan itu bagaimanapun tidak ada maknanya jika wanita itu sendiri tidak mengambil tahu dan tidak memahaminya. Mengapa wanita perlu tahu akan hak-haknya di sisi undang-undang? Supaya hak dan nasib mereka lebih terbelah dan terjamin serta bagi mengelakkan sebarang ketidakadilan terhadap hak-hak wanita, mengelakkan penindasan dan pencabulan hak wanita. Juga bagi membolehkan wanita membuat tuntutan terhadap hak-haknya dan secara tak langsung selain memudahkan mereka mengorak langkah menentukan apa yang terbaik untuk diri, anak-anak dan keluarganya di samping menepis perbuatan yang mencabul haknya sebagai wanita.

Wanita kerap mengalami kesulitan untuk mendapatkan penyelesaian dalam pelbagai masalah.

Dalam kes percereraan contohnya, masalah timbul dari mula nak bercerai lagi. Ada suami yang suka mempermainkan emosi wanita dengan mempermainkan talak. Contohnya enggan menjatuhkan talak secara baik walaupun pihak suami yang bersalah, berkeras mahukan isteri membayar secara tebus talak kerana suami tidak ada persediaan kewangan untuk meneruskan hidup tanpa isteri, gantung tak bertali, dan poligami tanpa pengetahuan isteri pertama.

Padahal hakikatnya, suami mempermainkan hukum Allah SWT. Bila dah bercerai masalah lain pula yang wujud seperti perebutan anak biarpun suami terbukti tidak pernah memperdulikan hal anak semubi ini.

Perebutan hak ke atas harta benda yang diperolehi dan dikumpul oleh isteri tanpa setiket bantuan dari suami juga berlaku. Apa yang boleh wanita lakukan jika menghadapi permasalahan begini? Adakah ruang untuk wanita menyelamatkan dirinya? Oleh itu, wanita harus memperkasakan pengetahuan mengenai hak mereka.

Dari sudut undang-undang, ada beberapa hak wanita iaitu hak wanita dalam Undang-Undang Kekeluargaan Islam. Hak wanita Islam sudah termaktub dalam al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW.

Kedatangan Nabi Muhammad SAW adalah rahmat bagi wanita kerana Rasulullah saw adalah pembela agung wanita. Bagi mengelakkan kekeliruan, hak seseorang wanita dijelaskan dalam Undang-Undang Kekeluargaan Islam di setiap negeri.

Dalam undang-undang sivil, Perkara



**Wanita &  
Undang-Undang**

ROOS NIZA MOHD. SHARIFF  
roosniza@outlook.com  
Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-Undang  
Universiti Utara Malaysia

8 Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan "semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang."

Berdasarkan Perkara 8 ini, Perlembagaan Malaysia mengiktiraf kedudukan sama rata bagi semua golongan di Malaysia tanpa membezakan agama, bangsa dan jantina. Justeru, semua orang berhak mendapat perlindungan yang sama.

Undang-Undang Sivil tidak memandang rendah martabat wanita. Wanita bukan Islam dan wanita Islam boleh mendapat pembelaan dari undang-undang sivil.

Dasar Kebangsaan Wanita 1989 dan Rancangan Tindakan Wanita dan Pembangunan 1997 pula dengan rasminya telah memberikan komitmen bahawa wanita dan lelaki itu sama taraf. Malaysia turut mengesahkan Konvensyen PBB tentang Penghapusan Diskriminasi Ke atas Wanita 1995 dan menerima Perisyiarhan Beijing Muktamar Sedunia tentang Wanita

dan Dasar Tindakan.

Di bawah undang-undang jenayah juga terdapat peruntukan bagi melindungi kebijaksanaan dan kepentingan kaum wanita, sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa ataupun warga emas. Kanun Keseksian melindungi wanita dari perbuatan rogol, sumbang mahram, mencabul kehormatan, mencederakan, membunuh dan banyak lagi.

Pesalah yang disabitkan dengan kesalahan rogol di bawah seksyen 375 akan dijatuhan hukuman penjaran tidak kurang dari 5 tahun dan tidak lebih dari 20 tahun serta juga boleh dikenakan sebatan rotan.

Bagi kesalahan rogol secara berkumpulan yang merupakan seksyen baru (375B), mereka yang disabit kesalahan akan dikenakan hukuman penjaran minimum 10 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun. Manakala sebatan rotan diwajibkan kepada pesalah sumbang mahram.

Seksyen 364 Kanun Keseksian memberi perlindungan jika wanita

## Peruntukan sivil khusus bagi melindungi wanita

- Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950
- Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961
- Akta Anak Angkat 1952
- Akta Kesaharian Anak 1971
- Akta Pekerjaan 1955

Hak wanita yang termaktub dalam Undang-Undang Keluarga Islam

- Hak untuk berkahwin
- Hak mendapatkan mas kahwin
- Hak mendapat nafkah
- Hak jika suami berpoligami
- Hak menuntut cerai
- Hak nafkah iddat
- Hak untuk tempat tinggal
- Hak keutamaan hadhanah (hak penjagaan anak)
- Hak perjagaan anak tidak sah taraf
- Hak permohonan isteri yang ditinggalkan langsung
- Perintah tegahan
- Hak isteri jika dianiaya suami
- Hak jika tidak mendapat keadilan sewajarnya

diserang atau kekerasan jenayah diguna ke atas wanita dengan niat hendak mencabul kehormatan wanita itu. Seksyen 509 Kanun Keseksian memberi perlindungan jika wanita diajukan kehormatannya dengan perkataan, perbuatan atau isyarat.

Bagi wanita, gadis, remaja atau kanak-kanak yang dilarikan secara salah dari penjaga yang sah atau lebih serius penculikan, seksyen 3 Akta Cilik 1961 membawa hukuman mati atau penjaran seumur hidup dan sebatan.

Kanak-kanak pula dilindungi oleh Akta Kanak-Kanak 2001 yang digubal untuk melindungi gadis-gadis di bawah umur daripada sebarang bentuk eksploitasi. Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 terpakai kepada semua kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun.

Manakala bagi kesalahan gangguan seksual pula, terdapat Kod-Kod Amalan Bagi Pencegahan dan Pembasmaran Gangguan Seksual Di Tempat Kerja.

Perlindungan terhadap gangguan seksual juga diberi walaupun gangguan seksual tidak dikategorikan sebagai jenayah seksual.

Dalam kes Lilian Therera de Costa lawan Mejar (B) Zulkifli Mokti, Mahkamah Perusahan telah memutih kepada plaintif dengan memutuskan bahawa perbuatan defendant adalah satu gangguan seksual dan pemecatan plaintif adalah salah di sisi undang-undang.

Undang-undang diwujudkan untuk memberi perlindungan dan keadilan kepada kaum wanita supaya wanita mendapat hak yang sepatutnya dan keselamatan wanita dijamin.

Adalah sangat rugi jika wanita tidak tahu akan haknya dari segi undang-undang kerana ini adalah perlindungan kepada wanita dari ditindas dan dicabul hukum.

Lebih rugi lagi jika wanita tahu wujudnya hak itu tetapi tidak tahu bagaimana cara mendapatkannya dan kepada siapa perlu dirujuk untuk mendapatkan hak tersebut.

